

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002**

**Februari/Mac 2002**

**VHT 223 – SENI LUKIS MODEN MALAYSIA**

**Masa : 3 jam**

**Arahan:**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi tujuh [7] soalan dan dua [2] muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab soalan 1 di Bahagian A dan pilih tiga [3] soalan dari Bahagian B.
3. Soalan 1 bernilai 40 markah. Setiap soalan 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 bernilai 20 markah.

Bahagian A.

1. Ditunjukkan 10 sisipan.

Nyatakan:

- a] Nama Seniman.
- b] Tajuk.
- c] Tahun.
- d] Ulasan 5 ayat.

Bahagian B.

2. Ada pihak mengatakan bahawa pelukis-pelukis pelawat Inggeris abad ke 19 tidak boleh diterima ke dalam arus perkembangan seni lukis Malaysia. Jika kamu bersetuju, berikan hujah. Jika kamu tidak bersetuju, juga berikan hujah.
3. Tan Chee Khuan mengatakan bahawa Yon Mun Sen adalah “Bapa” atau pelopor Seni Lukis Malaysia Moden. Ada pula pihak yang tidak bersetuju. Aturkan bukti dan contoh-contoh karya supaya kamu dapat menyelesaikan kontroversi ini.
4. Apakah erti konsep moden itu dalam sejarah seni lukis Malaysia?
5. Bolehkah aliran realisme itu menggambarkan keperibadian kita dalam seni lukis moden kita.
6. Arca Orang Asli dan arca moden selalu dipamerkan bersama-sama dalam sesebuah galeri. Adakah ini sesuai, memandangkan bahawa peransang estetika kedua-dua jenis arca amat berbeza?
7. Hoessein Enas dan Amron Omar mengamalkan realisme. Adakah realisme mereka itu mencerminkan citarasa masyarakat Malaysia moden?